

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 16 / 9 / 2009

MIC gantung ahli hina Dr Mahathir

Samy Vellu harap tindakan disiplin dapat selesai isu cadangan 'kalungan selipar'

Oleh Magendran Rajagopal dan
S Anand Kumar
anand@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Berkuat kuasa serta-merta, MIC menggantung keahlian seorang perwakilan parti itu yang mencadangkan supaya diletakkan 'kalungan selipar' pada gambar Tun Dr Mahathir

Mohamad ketika Perhimpunan Agung MIC Ke-63, Ahad lalu.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata beliau mengambil keputusan itu menggunakan kuasanya sebagai pemimpin tertinggi MIC seperti yang termaktub dalam perlembagaan parti.

"Saya sudah membincang-

kan isu perwakilan itu bersama barisan pemimpin kanan MIC dan mereka juga bersetuju dengan tindakan penggantungan.

"Saya amat berharap dengan tindakan itu (penggantungan), isu berkenaan (kalungan selipar) akan selesai," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau bagaimanapun ti-

dak mendedahkan nama perwakilan itu atas faktor keselamatan.

Jawatankuasa Disiplin MIC masih belum dibentuk memandangkan parti itu baru menyelesaikan perhimpunan agungnya, dua hari lalu.

Samy Vellu berkata demikian sebagai mengulas tindakan MIC ke atas cadangan

seorang perwakilan pada sesi perbincangan perhimpunan agung parti, Ahad lalu yang mahu meletakkan 'kalungan selipar' pada gambar Dr Mahathir kerana mendakwa bekas Perdana Menteri itu mencampuri urusan MIC.

Bagaimanapun, cadangan perwakilan MIC itu mendapat kritikan daripada pelba-

gai pihak termasuk pemimpin Umno yang menyifatkan tindakan sedemikian sebagai bersikap biadab, kurang ajar dan tidak bertamadun.

Sementara itu, Naib Presiden MIC, Datuk Dr S Subramaniam memberitahu *Berita Harian*, beliau menyokong penuh keputusan Samy Vellu untuk menggantung keahlian perwakilan terbabit.